BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/03/48 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 26 Mac 2003**

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Februari 2003

Permohonan pinjaman, sebuah penunjuk duluan kepada permintaan pinjaman, terus meningkat sebanyak 9.5% pada bulan Februari

Permintaan ke atas pinjaman, seperti dibuktikan melalui permohonan ke atas pinjaman, terus meningkat sebanyak 9.5% pada bulan Februari. Dana yang dikumpul melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) juga lebih tinggi. Dibandingkan dengan bulan Januari, penunjuk pinjaman menyederhana mencerminkan hari bekerja yang pendek pada bulan ini dan peningkatan hari cuti bagi musim perayaan. M1 terus meningkat pada kadar yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pulangan mata wang kepada sistem perbankan selepas musim perayaan. Deposit meningkat pada bulan ini. Pertumbuhan agregat monetari disokong oleh aktiviti sektor swasta dan operasi luar negara.

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2003

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 03/03/48 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 26 Mac 2003**

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
FEBRUARI 2003

Permintaan ke atas pinjaman, seperti dibuktikan melalui permohonan ke atas pinjaman, terus meningkat sebanyak 9.5% pada bulan Februari. Dana yang dikumpul melalui pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) juga lebih tinggi. Dibandingkan dengan bulan Januari, penunjuk pinjaman menyederhana mencerminkan hari bekerja yang pendek pada bulan ini dan peningkatan hari cuti bagi musim perayaan. M1 terus meningkat pada kadar yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pulangan mata wang kepada sistem perbankan selepas musim perayaan. Deposit meningkat pada bulan ini. Pertumbuhan agregat monetari disokong oleh aktiviti sektor swasta dan operasi luar negara.

Kadar faedah di kekalkan rendah, untuk menyokong permintaan untuk pembiayaan

Pada bulan Februari, **kadar faedah antara bank** kekal rendah dan stabil dengan purata kadar faedah berwajaran antara bank 3-bulan telah didagangkan pada 2.89% (2.91% pada bulan Januari). Operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia telah menyerap lebihan mudah tunai sebanyak RM4.6 bilion hasil daripada kembalinya matawang ke dalam sistem setelah berakhirnya musim perayaan.



BNM menyerap lebihan mudah tunai di dalam sistem perbankan untuk menstabilkan kadar faedah pada paras rendah sedia ada



Mudah tunai sistem perbankan terus lega pada bulan Februari



Kadar faedah antara bank kekal rendah dan stabil

Kadar purata pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun kepada 6.54% dan 9.62% pada akhir bulan Februari (6.58% dan 9.68% pada akhir Januari). Sementara itu, purata **kadar berian pinjaman asas (BLR)** bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan tersebut.

Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



BLR kekal stabil, sementara ALR bagi bank perdangan dan syarikat kewangan terus menurun

Pada 8 Mac, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** bagi semua tempoh matang untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan, kekal tidak berubah.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Dengan kadar inflasi yang rendah sedikt, kadar faedah benar 3-bulan bagi bank perdagangan meningkat sedikit

Prestasi Ringgit

Pada bulan Februari, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama**. Selaras dengan dolar AS yang lebih kukuh, nilai ringgit meningkat berbanding paun sterling dan euro, masing-masing sebanyak 4.7% dan 0.6%, dan menyusut nilai berbanding yen Jepun sebanyak 1.1%. Kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti dan faktor teknikal menyokong dolar AS. Sebaliknya, paun sterling menjadi lemah berikutan meningkatnya kebimbangan keselamatan serta penunjuk bahawa keadaan ekonomi di United Kingdom menjadi semakin lemah. Yen Jepun menjadi semakin kukuh berbanding dolar AS berikutan penghantaran balik dana ke Jepun menjelang berakhirnya tahun perakaunan pada 31 Mac.



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur pada bulan Februari

Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.2% - 2.2%, tetapi menyusut nilai berbanding baht Thai sebanyak 0.2% dan kekal tidak berubah berbanding dolar Singapura. Selain daripada kebimbangan terhadap defisit fiskal, kelemahan peso Filipina juga disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi ke atas dolar AS. Ianya ialah untuk membiayai import minyak sebelum tarikh 3 Februari, yang merupakan tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan ke atas penapis supaya mereka mengekalkan tahap minimum bagi simpanan minyak mentah dan barangan yang berasaskan minyak. Sementara itu, won Korea dipengaruhi secara negatif oleh ketegangan yang semakin meruncing berikutan perkembangan di Korea Utara.



Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 24 Mac 2003**, nilai ringgit meningkat berbanding mata wang utama dan kebanyakan mata wang serantau, selaras dengan dolar AS yang lebih kukuh. Mata wang AS menjadi semakin kukuh disebabkan sikap optimis pasaran bahawa perang di Iraq akan berakhir dengan segara. Sebaliknya, paun sterling menjadi lemah berikutan bantahan yang kuat terhadap penglibatan Britain dalam konflik di Iraq. Disebabkan dolar AS yang lebih kukuh, nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun sebanyak 2.8%, berbanding euro sebanyak 1.5%, dan berbanding paun sterling sebanyak 0.8%. Ringgit juga meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.8% - 5.2%. Sejak peperangan pada 20 Mac, pasaran mata wang asing secara relatifnya kekal stabil.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Feb. 2003	24 Mac 2003	% Perubahan			
				Februari 2003	Akhir Feb. - 24 Mac. 2003	Akhir-2002 - 24 Mac. 2003	2 Sep. 1998 - 24 Mac. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.0867	4.0278	0.6	1.5	-1.2	-
Paun sterling	6.3708	6.0021	5.9563	4.7	0.8	2.3	7.0
100 yen Jepun	2.7742	3.2281	3.1388	-1.1	2.8	2.0	-11.6
Dolar Singapura	2.1998	2.1865	2.1493	0.0	1.7	1.8	2.3
100 baht Thai	9.3713	8.9087	8.8393	-0.2	0.8	-0.3	6.0
100 peso Filipina	8.8302	6.9744	6.9750	1.2	0.0	2.5	26.6
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0427	0.0423	0.2	0.9	0.5	-16.3
100 won Korea	0.2827	0.3196	0.3038	2.2	5.2	5.2	-6.9

Inflasi kekal stabil

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100), menyusut sedikit ke tahap 1.6% pada bulan Februari (Januari: 1.7%). Ini terutamanya mencerminkan kenaikan harga yang lebih kecil bagi makanan yang dibawa di luar rumah, berpunca daripada kesan asas yang lebih tinggi, berikutan kenaikan harga beberapa barangan terpilih di dalam sub-kumpulan ini pada bulan Februari 2002. Perubahan harga bagi sub-kumpulan yang lain, secara relatifnya, kekal stabil.



Inflasi kekal stabil

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), meningkat sebanyak 12.9% pada bulan Januari 2003 (Disember 2002: 13.4%), mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.2%.



Harga pengeluar terus meningkat

Wang secara luas terus meningkat

Bekalan wang secara luas terus meningkat pada bulan Februari, dengan M2 dan M3 masing-masing berkembang sebanyak RM1.1 bilion dan RM1.8 bilion. M1 menurun sebanyak RM3.8 bilion disebabkan oleh pemulangan mata wang selepas musim perayaan. Pada asas tahunan, kesemua agregat monetari, M1, M2 dan M3, meningkat pada kadar sederhana sebanyak 6%, 6% dan 6.4% pada akhir bulan Februari disebabkan oleh kesan asas yang tinggi pada bulan Februari 2002 (11.4%, 8% dan 7.8% pada akhir bulan Januari).

Pada bulan ini, pengembangan wang secara luas, M3 berpunca terutamanya daripada pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih tinggi oleh sistem perbankan (+RM1.5 bilion) dan pengembangan operasi luar negara (+RM0.5 bilion).

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Pada asas tahunan, kesemua agregat monetari terus meningkat. Pertumbuhan M1 yang sederhana mencerminkan pemulangan mata wang selepas perayaan

M3: Perubahan Bulanan



M3, selepas pelarasan bermusim, terus meningkat pada bulan Februari…

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2002	2003		
	Dis	Jan	Feb	Jan - Feb
M3	2.6	7.8	1.8	9.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-3.6	5.4	-1.2	4.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.0	3.9	1.3	5.2
Operasi luar bersih [1]	-2.4	-0.2	0.5	0.3
Pengaruh lain	8.5	-1.3	1.2	-0.1

1/ sebelum penilaian semula

… disebabkan terutamanya oleh aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi

Deposit sistem perbankan lebih tinggi pada bulan Februari

Jumlah deposit sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM5.2 bilion atau 1% pada bulan Februari. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya deposit yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan. Deposit institusi kewangan adalah lebih rendah, sebahagiannya untuk membiayai pembelian terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia. Pada asas tahunan, jumlah deposit sistem perbankan meningkat sebanyak 5.5% pada akhir bulan Februari.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		2003
	Dis.	**Jan.**	**Feb.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-49	121	-189
Kerajaan Negeri	-111	290	199
Badan Berkanun[1/]	-168	807	-1,101
Institusi Kewangan	4,291	-667	-1,178
Perusahaan Perniagaan	-3,225	354	4,396
Individu	2,562	2,386	3,021
Jumlah	**3,300**	**3,290**	**5,149**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit yang lebih tinggi terus disimpan oleh perusahaan perniagaan dan individu…

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		2003
	Dis.	**Jan.**	**Feb.**
Jenis			
Deposit tetap	-1,008	3,331	2,469
NID	1,623	468	-563
Deposit permintaan	695	340	-543
Deposit tabungan	1,753	603	464
Perjanjian beli balik *(Repo)*	-12	-1,217	3,083
Deposit mata wang asing	82	9	131
Deposit SPI	-265	-33	-314
Lain-lain	433	-209	421
Jumlah	**3,300**	**3,290**	**5,149**

…. terutamanya dalam bentuk repo dan deposit tetap

Pembiayaan oleh sektor swasta lebih rendah

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Dana yang diperolehi daripada pasaran bon adalah ketara lebih tinggi pada bulan Februari

Pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta oleh institusi perbankan dan melalui dana yang diperolehi daripada pasaran modal berjumlah RM31.7 bilion pada bulan Februari (RM38.8 bilion pada bulan Januari). Mencerminkan hari bekerja yang lebih rendah pada bulan Februari, kebanyakkan penunjuk pinjaman pada bulan tersebut menyederhana. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing berjumlah RM15.6 bilion, RM9.2 bilion dan RM27.4 bilion (masing-masing berjumlah RM21.8 bilion, RM13.1 bilion dan RM38 bilion pada bulan Januari). Pada asas tahunan, permohonan pinjaman, penunjuk pelopor bagi permintaan untuk pinjaman, meningkat dengan kukuh sebanyak 9.5% pada bulan Februari. Pada bulan tersebut, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perkilangan mencakup sebanyak 28.6% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, diikuti oleh perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, 17.9%, dan sektor pembinaan, 5.5%. Pengeluaran pinjaman kepada individu yang mencakup 24.6% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan dan sebahagian besarnya adalah untuk pembelian rumah kediaman (7.2%) dan kereta penumpang (5.8%).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Penunjuk pinjaman menyederhana disebabkan bilangan hari bekerja yang lebih rendah ketika musim perayaan pada bulan Februari

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Sebahagian besar pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada perusahaan perniagaan

Bayaran balik pinjaman juga lebih rendah pada bulan tersebut (RM18.1 bilion; RM24.9 bilion pada bulan Januari). Selepas mengambil kira bayaran balik pinjaman, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 3.9% pada akhir bulan Februari (4.6% pada akhir bulan Januari).

Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal terus meningkat

Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Februari (RM9.7 bilion; RM2.5 bilion pada bulan Januari). Jumlah ini mencerminkan terbitan hutang sekuriti swasta yang besar sebanyak RM4.9 bilion. Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti kekal rendah berikutan sentimen pasaran yang lemah. Di sepanjang bulan ini, terdapat dua terbitan baru SKM yang berjumlah RM5 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh dari Pasaran Modal[1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Pasaran modal memperoleh dana yang lebih tinggi

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) menyusut pada bulan Februari berikutan ketidaktentuan yang berterusan mengenai prospek ekonomi global serta meningkatnya ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Di samping sentimen pasaran yang lemah, urus niaga berkurangan semasa musim cuti perayaan dan cuti umum pada waktu tersebut. Pada 28 Februari, IK BSKL ditutup rendah pada 646.8 mata (-2.7% sejak akhir bulan Januari) dengan modal pasaran sebanyak RM485.76 bilion (-2.5% sejak akhir bulan Disember). Purata urusniaga harian adalah lebih sebanyak 143.9 juta unit (304 juta unit pada bulan Januari 2003).



KLSE CI menyusut pada bulan Mac

Pada tiga minggu pertama bulan Mac, urus niaga terus dipengaruhi oleh sentimen pasaran yang lemah disebabkan ketidaktentuan berterusan berikutan meningkatnya ketegangan di Timur Tengah. Di pasaran tempatan, Kerajaan telah mengumumkan 10 langkah-langkah baru bagi menambahbaik lagi pasaran modal. Pada 24 Mac, IK BSKL ditutup pada 633.13 mata (-2.1% sejak akhir bulan Februari) dengan modal pasaran sebanyak RM478.8 bilion (-1.4% sejak akhir bulan Februari). Purata urusniaga harian adalah lebih sebanyak 160 juta unit.

Rizab antarabangsa

Pada bulan Februari, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia kekal dengan arah aliran menaik dengan peningkatan sebanyak RM0.8 bilion atau AS$0.2 bilion lagi kepada RM132.3 bilion atau AS$34.8 bilion pada 28 Februari 2003. Peningkatan rizab mencerminkan terutamanya aliran masuk berterusan perolehan eksport yang dibawa pulang. Aliran keluar meliputi terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, pembayaran untuk pengambilalihan kepentingan asing dalam sektor gas oleh sebuah syarikat Malaysia, pembayaran balik hutang luar negara dan aliran keluar dana portfolio. Pada 14 Mac 2003, rizab antarabangsa bersih berjumlah sebanyak RM131.7 bilion atau AS$34.7 bilion.

Walaupun terdapat pembayaran balik pinjaman luar negara yang agak besar oleh sektor awam, paras rizab yang tinggi adalah disokong terutamanya oleh aliran masuk bersih perolehan eksport yang dibawa pulang yang nyata lebih tinggi dan pendapatan daripada pelaburan. Paras rizab pada 14 Mac 2003 adalah memadai untuk membiayai 5.3 bulan import tertangguh dan adalah 4.4 kali hutang luar negara jangka pendek.



Rizab antarabangsa bersih kekal dengan arah aliran menaik

Sistem perbankan tetap kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing kekal pada tahap 13.0% dan 10.9%. NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) meningkat sebanyak RM0.4 bilion kepada RM31.8 bilion atau 7.5% daripada pinjaman bersih. Peningkatan dalam nisbah NPL adalah hasil daripada kombinasi peningkatan kecil NPL bersih dan penurunan jumlah pinjaman.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998 Dis.	1999 Dis.	2000 Dis.	2001 Dis.	2002 Nov.	2002 Dis.	2003 Jan.	2003 Feb.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	10.9	10.7	10.9	10.9
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.1	12.8	13.0	13.0
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	7.5	7.3	7.5
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,803	31,703	31,359	31,770
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



….Kedudukan modal kekal kukuh dengan RWCR dan nisbah modal teras masing-masing berada pada paras 13.0% dan 10.9% respectively….



..Nisbah NPL bersih meningkat sedikit kepada tahap 7.5%…

Pada 31 Disember 2002, Danaharta telah mengendalikan kesemua NPL dalam portfolionya (nilai hak ke atas pinjaman sebanyak RM52.5 bilion) dan menganggarkan pemulihan sebanyak RM30.2 bilion, dengan purata pemulihan sebanyak 57% (50% untuk pinjaman yang diambil alih dan 63% untuk pinjaman yang diurus). Kutipan pemulihan terus menggalakkan. Jumlah kutipan meningkat kepada RM18.9 bilion pada akhir tahun 2002 daripada RM17.35 bilion pada akhir bulan Jun 2002. Amaun ini merupakan 63% daripada jumlah RM30.2 bilion yang dijangka dapat dikutip daripada portfolionya. Daripada jumlah ini, Danaharta telah mengagihkan sebanyak RM11.3 bilion dalam bentuk tunai dan 55,899,542 unit sekuriti kepada 30 buah institusi perbankan dan pihak Kerajaan. Danaharta telah menyelesaikan semua pinjamannya daripada Khazanah Nasional Berhad lalu mengurangkan jumlah keseluruhan pinjamannya kepada RM0.4 bilion. Sebagai tambahan, jumlah bon Danaharta menurun kepada RM11.1 bilion pada akhir tahun 2002 berikutan penebusan bon kupon sifar siri pertamanya.

Bank Negara Malaysia
26 Mac 2003

Key Monetary and Banking Statistics

	Januari 2003		Februari 2003	
	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM billion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	47.9	12.0	43.4	4.3
M1	92.9	11.4	89.1	6.0
M2	389.0	8.0	390.1	6.0
M3	509.0	7.8	510.8	6.4
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	507.8	5.8	512.9	5.5
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	492.8	4.6	492.3	3.9
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	430.6	4.6	429.7	3.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	84.8		83.8	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	13.1	23.0	9.2	-3.8
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	38.0	8.2	27.4	-10.6
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	37.0	3.4	28.0	-2.5
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.0		13.0	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.3		7.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	131.5		132.3	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.6		34.8	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.87[2.98]	
3-bulan	2.91[2.91]		2.86[2.89]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.0	1.7	104.2	1.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	139.7	12.9	n.a.	n.a.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.1110		4.0867	
Paun Sterling	6.2858		6.0021	
Dolar Singapura	2.1868		2.1865	
100 Yen Jepun	3.1939		3.2281	
100 Baht Thai	8.8868		8.9087	
100 Peso Filipina	7.0579		6.9744	
100 Rupiah Indonesia	0.0428		0.0427	
100 Won Korea	0.3265		0.3196	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	2.0		5.0	
sektor swasta (RM bilion)	0.4524		4.658	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	664.77		646.80	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	498.37		485.76	